

10 MAY 1997

TIADA KES DALAM ADUAN RAHIM MENGENAI PEMILIHAN KETUA PEMUDA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Panel Pemilih Umno mendapati tiada kes dalam aduan bekas Ketua Pergerakan Pemuda Tan Sri Rahim Tamby Chik mengenai berlakunya penipuan dalam pengiraan undi pemilihan jawatan ketua pemuda Umno tahun lepas.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjawab soalan pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini berkata aduan mengenai dakwaan itu telah dikemukakan walaupun secara tekniknya aduan itu melepasi tempoh waktunya.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim kemudian menambah bahawa sebarang aduan patut dikemukakan dalam tempoh 10 hari.

"Namun kita masih melihat alasannya dan panel pemilih yang dipengerusikan Tan Sri Mustaffa Jabar menganggap tidak ada kes," kata Anwar.

Rahim dilaporkan mengemukakan aduan itu kepada Jawatankuasa Pengurusan parti awal minggu ini.

Rahim tewas dalam pemilihan itu kepada Pengerusi Bank Simpanan Nasional Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang mendapat 199 undi.

Turut tewas dalam pertandingan lima penjuru itu ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Samad dan seorang calon lagi, Abdul Rahman Mat Salleh.

-- BERNAMA

MNY TM NAK